

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. NORAINI AHMAD
[PARIT SULONG]
TARIKH : 05 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 18

Y.B. DATO' DR. NORAINI AHMAD [PARIT SULONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai jumlah jaminan bon, kerjasama strategik, usahasama dan pinjaman yang telah diterima oleh Kerajaan dari negara Jepun selain hutang Bon Samurai yang diterbitkan sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh 1992-2011, jumlah pinjaman yang telah diterima oleh Kerajaan dari negara Jepun (selain Bon Samurai yang diterbitkan) adalah sebanyak 434.84 bilion yen atau RM15.33 bilion. Daripada jumlah pinjaman tersebut, sebanyak 47.9% (208.31 bilion yen atau RM6.84 bilion) adalah pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan, manakala baki 52.1% (226.52 bilion yen atau RM8.49 bilion) adalah pinjaman syarikat berkaitan Kerajaan yang dijamin oleh Kerajaan.

Sehingga 30 September 2019, Kerajaan mempunyai baki pinjaman dari negara Jepun yang belum selesai berjumlah 197.11 bilion yen atau RM7.7 bilion. Daripada jumlah tersebut, 67.6% (133.17 bilion yen atau RM5.22 bilion) adalah pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan, manakala 32.4% (63.95 bilion yen atau RM2.48 bilion) adalah pinjaman syarikat berkaitan Kerajaan yang dijamin oleh Kerajaan.

Pinjaman-pinjaman tersebut dibuat untuk tujuan program/projek pendidikan, pembangunan infrastruktur dan utiliti, serta dana pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).